

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 06 MEI 2016

KERATAN AKHBAR

06-05-2016

setempat 59

HARIAN METRO

FOTO: OMAR AHMAD



ISMAIL (tengah) memberi penerangan mengenai sistem penapisan dan rawatan air bio hijau kepada kakitangan LUAS di Empangan Sembrong.

Kaedah mudah

■ Syarikat bangun sistem rawat air inovatif

Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Kluang

Sistem penapisan dan rawatan air bio hijau (Bio Green Filtration System) mampu menjadi alternatif bagi mendapatkan sumber air bersih kerana ia boleh merawat pelbagai jenis sumber air termasuk air laut dan tasik.

Sistem yang dibangunkan oleh syarikat tempatan, Al-Shahran Sdn Bhd yang beroperasi di Pandamaran, Klang, Selangor itu turut diguna pakai di Abu Dhabi dan Senegal.

Pengarah Urusannya Ismail Ali berkata, sistem berkenaan boleh menapis sehingga 60 meter padu air sejam daripada sumber air seperti empangan, air laut, tasik dan seumpamanya sehingga menjadi air bersih.

Katanya, sistem penapisan dan rawatan air bio hijau di Empangan Sembrong di sini, yang dijalankan sejak enam bulan lalu adalah projek perintis pihaknya dan menunjukkan hasil yang baik.

"Sistem ini tidak menggunakan bahan kimia sebaliknya menggunakan bahan-bahan daripada alam semula jadi seperti arang dan lumpur.

"Air yang diambil daripada pelbagai sumber boleh ditapis dan dirawat menggunakan sistem ini yang turut berupaya merawat air tercemar dengan ammonia," katanya yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam sistem rawatan air.

Menurut Ismail, teknologi sama juga digunakan di tiga loji air di Melaka iaitu Gadek, Bertam dan Sebukor.

"Sistem ini menelan kos kira-kira RM10 juta, ia dibiayai oleh syarikat Thahera Water Technology Sdn Bhd," katanya selepas lawatan kerja Lembaga Urus Air Negeri Selangor (LUAS) ke tapak projek sistem berkenaan di sini, semalam.

Sementara itu, pemangku Pengarah LUAS Nor Zamri Sondor berkata, kerajaan negeri Selangor menerusi LUAS sedang menilai kaedah berkenaan untuk merawat sumber air di negeri itu berikutan pencemaran air semakin meningkat susulan cuaca panas.

FAKTA
Sistem ini tidak menggunakan bahan kimia sebaliknya bahan daripada alam semula jadi